



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERKAITAN KESESUAIAN JENAKA DALAM KOMUNIKASI  
INSTRUKSIONAL DENGAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI PUTRA  
MALAYSIA***

***MOHD ZIYAD AFIQ BIN MOHD ZAHARIM***

**FBMK 2015 63**



**PERKAITAN KESESUAIAN JENAKA DALAM KOMUNIKASI  
INSTRUKSIONAL DENGAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI PUTRA  
MALAYSIA**

Oleh

**MOHD ZIYAD AFIQ BIN MOHD ZAHARIM**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master  
Sains**

**Disember 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERKAITAN KESESUAIAN JENAKA DALAM KOMUNIKASI  
INSTRUKSIONAL DENGAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI PUTRA  
MALAYSIA**

Oleh

**MOHD ZIYAD AFIQ BIN MOHD ZAHARIM**

**Disember 2015**

**Pengerusi : Nor Azura Adzharuddin, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Jenaka merupakan elemen yang sering digunakan semasa komunikasi instruksional. Kekurangan elemen yang mampu membuat pelajar terhibur juga memberi impak kepada ketidakupayaan pelajar untuk mengekalkan fokus kepada pembelajaran. Objektif yang ingin dicapai daripada kajian ini adalah mengenal pasti tahap penggunaan jenis jenaka sesuai (*appropriate humor*) yang digunakan oleh pengajar semasa proses komunikasi instruksional, mengenal pasti tahap pembelajaran pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) semasa proses komunikasi instruksional, mengenal pasti tahap kesesuaian penggunaan elemen jenaka dalam komunikasi instruksional, menentukan hubungan di antara penggunaan jenis jenaka sesuai (*appropriate humor*) dengan tahap pembelajaran pelajar. Teori yang menjadi asas dalam penyelidikan ini ialah Instructional Humor Processing Theory (IHPT). Pendekatan kuantitatif yang digunakan adalah kaedah tinjauan dan edaran borang soal selidik. Responden terdiri daripada 400 orang pelajar pra siswazah Universiti Putra Malaysia (UPM). Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah dan persampelan bertujuan. Dua prosedur statistik telah digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti nilai peratusan, min, purata dan sisihan piawai. Manakala statistik inferensi berupaya menerangkan hubungan, perkaitan dan peramal yang menyumbang antara pemboleh ubah yang dikaji. Antara ujian yang digunakan dalam statistik inferensi adalah ujian korelasi dengan pekali *Pearson Product-Moment*. Dapatan kajian dianalisa dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science for Windows (SPSS)*. Dalam pada itu, ujian korelasi *Pearson* menunjukkan jenis jenaka yang tidak dirancang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan tahap pembelajaran pelajar, selain itu jenaka yang berkaitan tajuk, jenaka yang tidak berkaitan dengan tajuk dan jenaka yang merendah-rendahkan personaliti pelajar menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan dengan tahap pembelajaran pelajar. Penggunaan jenaka sesuai perlu dipelbagaikan lagi metod penyampaian agar mempengaruhi proses instruksional ke arah yang lebih positif

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE INFLUENCE OF APPROPRIATE HUMOR IN INSTRUCTIONAL COMMUNICATION TOWARDS STUDENT LEARNING**

By

**MOHD ZIYAD AFIQ BIN MOHD ZAHARIM**

**December 2015**

**Chair : Nor Azura Adzharuddin, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Appropriate humor is a type of positive humor that is suitable for instructional communication. The lack of elements that could make students entertained can also impact the student's inability to focus on learning. The objectives this research aim to achieve are to identify the usage level of the type of appropriate humor used by educators during instructional communication, to identify the level of Universiti Putra Malaysia's (UPM) student learning process during instructional communication, to identify the suitability of using humor in instructional communication, determine the relationship between the use of appropriate humor and the level of student learning. Respondents are made up of 400 undergraduates from Universiti Putra Malaysia (UPM). The results were analyzed using non-probability sampling method, the Statistical Package for the Social Sciences for Windows (SPSS) and Pearson Correlation Test. The results showed a positive significant relationship between the use of appropriate humor and the level of student learning, but the strength of the relationship is weak.

## PENGHARGAAN

Syukur dan Puji- Pujian ke hadrat Illahi, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahualaihiwassalam (S.A.W), dengan limpah kurniaNya penulisan kajian ini telah berjaya disiapkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan buat Dr. Nor Azura Adzharuddin selaku penyelia tesis di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih di atas keterbukaan memberi dan menerima pandangan serta cadangan dalam penghasilan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga buat Dr. Akmar Haryati di atas kesudian mencurahkan idea, pandangan dan nasihat yang bernas dalam menyelesaikan isu-isu yang dihadapi semasa kajian ini dijalankan. Keikhlasan Dr. dalam membimbing pelajar hanya Allah S.W.T jualah yang mampu membalasnya.

Seterusnya jutaan terima kasih kepada kedua ibu-bapa saya, Rosnani Binti Abd Manaf dan Mohd Zaharim Bin Mohd Yusof tanpa doa dan sokongan daripada mereka mustahil saya mampu menyiapkan penyelidikan ini. Buat sahabat seperjuangan yang banyak membantu dan berkongsi pandangan, terima kasih diucapkan dan mohon kemaafan andai ada kesalahan yang tidak disengajakan. Semoga kita bertemu di puncak kejayaan. Sekian

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (18/12/2015) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi (Mohd Ziyad Afiq Bin Mohd Zaharim) bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perkaitan Kesesuaian Jenaka Dalam Komunikasi Instruksional Dengan Pembelajaran di Universiti Putra Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut :

**Dr. Mohd Nizam Osman, PhD**

Profesor Madya,  
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Dr. Jusang Bin Bolong, PhD**

Profesor Madya,  
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Che Su Mustaffa, PhD**

Profesor Madya,  
Universiti Utara Malaysia (UUM),  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan,  
Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 24 Mac 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Nor Azura Adzharuddin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Akmar Hayati Ahmad Ghazali, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa :

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami ;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : \_\_\_\_\_

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRACT</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi

### BAB

<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	1
1.1	Latar belakang kajian	1
1.2	Pernyataan masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Kepentingan Kajian	7
1.6	Limitasi Kajian	8
1.7	Definisi Istilah	9
	1.7.1 Jenaka Sesuai ( <i>appropriate humor</i> )	9
	1.7.2 Tahap Pembelajaran Pelajar	9
	1.7.3 Komunikasi Instruksional	9
	1.7.4 Kesesuaian Penggunaan Jenaka	9
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	11
2.1	Komunikasi Instruksional	11
2.2	Pengaruh Humor Dalam Proses Komunikasi Instruksional	15
2.3	Jenis-jenis Jenaka Di Dalam Komunikasi Instruksional	17
2.4	Kesesuaian Penggunaan Jenaka dalam Konteks Komunikasi Pengajaran	19
2.5	Jenis Jenaka Yang Sesuai ( <i>appropriate humor</i> )	21
2.6	Kesan Penggunaan Jenaka Terhadap Pembelajaran Pelajar	24
2.7	Teori Berkenaan Jenaka .	27
2.8	Kerangka Konseptual	34
2.9	Hipotesis Kajian	35
2.10	Rumusan	35
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	36
3.1	Reka Bentuk Kajian	36
3.2	Lokasi Kajian	37
3.3	Populasi dan Persampelan	38
3.4	Instrumen Kajian	41
3.5	Operasional Pemboleh Ubah	41

3.6	Prauji Kajian	45
3.7	Pengumpulan Data	46
3.8	Analisa Data	46
3.9	Aras Signifikan	47
3.10	Rumusan	47
<b>4</b>	<b>ANALISA DATA</b>	<b>48</b>
4.1	Maklumat Demografi Responden	48
4.2	Tahap penggunaan jenis jenaka sesuai ( <i>appropriate humor</i> )	49
4.3	Tahap Pembelajaran Pelajar Universiti Putra Malaysia	51
4.4	Tahap Kesesuaian Penggunaan Jenaka Semasa Proses komunikasi Instruksional	52
4.5	Perkaitan Penggunaan Jenis - Jenis Jenaka Sesuai Dengan Tahap Pembelajaran Pelajara kesesuaian penggunaan jenaka dengan tahap pembelajaran pelajar	53
4.5.1	Perkaitan di antara jenis jenaka sesuai yang berkaitan dengan tajuk dan tahap pembelajaran pelajar	54
4.5.2	Perkaitan di antara jenis jenaka sesuai yang tidak berkaitan dengan tajuk dan tahap pembelajaran pelajar.	54
4.5.3	Perkaitan di antara jenis jenaka sesuai yang merendah-rendahkan personaliti pelajar dan tahap pembelajaran pelajar.	54
4.5.4	Perkaitan di antara jenis jenaka sesuai yang tidak dirancang dan tahap pembelajaran pelajar.	55
4.6	Perbincangan	56
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>57</b>
5.1	Ringkasan Kajian	57
5.2	Rumusan Hasil Kajian	58
5.2.1	Jenaka yang tidak dirancang	59
5.2.2	Jenaka yang berkaitan tajuk	59
5.2.3	Jenaka yang tidak berkaitan tajuk	59
5.2.4	Jenaka yang merendah-rendahkan personaliti	60
5.3	Kesimpulan Hasil Kajian	61
5.4	Implikasi Kajian	61
5.4.1	Implikasi Terhadap Amalan	62
5.4.2	Implikasi Terhadap Teoritikal	62
5.4.3	Implikasi Terhadap Kajian akan Datang	62
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	64
5.5.1	Kaedah Persampelan dan Instrumen Kajian	64
5.5.2	Teori dan Pemboleh Ubah	65
5.5.3	Unit Analisis	65

5.6 Rumusan

65

**RUJUKAN**

66

**LAMPIRAN**

74

**BIODATA PELAJAR**

81



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	<i>Coping Humor Scale</i> , Lefcourt (1983)	20
2	Jenis jenaka yang sesuai (appropriate humor) digunakan di dalam kuliah.	23
3	<i>Original Learning Indicator Scale</i> (OLIS), (Frymier et al, 1996)	25
4	<i>Revised Learning Indicator Scale</i> (RLIS), (Frymier & Houser, 1999)	27
5	Skala maklum balas soal selidik	38
6	Skala maklum balas soal selidik	39
7	Skala maklum balas soal selidik	40
8	Instrumen Dan Skala Pengukuran	41
9	Pembahagian Skor Min Tahap Penggunaan Jenis - Jenis Jenaka Sesuai	42
10	Skor Pengukuran Dimensi Tahap Pembelajaran Mahasiswa UPM	43
11	Nilai Pekali Alpha bagi Instrumen Kajian Prauji dan Kajian Sebenar	43
12	Pembahagian Skor Min Tahap Kesesuaian Penggunaan Jenaka yang Sesuai di UPM	44
13	Nilai Pekali Alpha bagi Instrumen Kajian Prauji dan Kajian Sebenar	46
14	Nilai (r) <i>Pearson Correlation Coefficient</i>	47
15	Taburan Responden Mengikut Profil (n = 400)	49
16	Skor Min Tahap Penggunaan Jenis Jenaka Sesuai ( <i>Appropriate Humor</i> ) (n = 394)	51
17	Tahap Pembelajaran Pelajar UPM (n = 394)	51
18	Taburan Skor Min Respoden Mengikut Item Tahap Kesesuaian Penggunaan Jenaka (n = 39)	53
19	Ujian Kolerasi Antara Jenis-Jenis Jenaka Yang Sesuai Dengan Tahap Pembelajaran Pelajar. (n = 394)	55

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Hubungan di antara komponen di dalam Model Komunikasi (McCroskey, Valencic, & Richmond, 2004)	11
2	Penggabungan teori-teori jenaka, Lyttle (2003)	29
3	<i>Instructional Humor Processing Theory</i> (IHPT), (Wanzer et al., 2010)	32
4	Kerangka Teori IHPT (Wanzer et al., 2010)	33
5	Kerangka Konseptual Perkaitan Kesesuaian Jenaka Dalam Komunikasi Instruksional Dengan Pembelajaran Di Universiti Putra Malaysia (UPM)	34

## BAB 1

### PENGENALAN

Bab ini membicarakan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Hampir melebihi tiga dekad, para pengkaji menggunakan gabungan teori dari psikologi pembelajaran dan teori dalam bidang komunikasi untuk meneroka bidang komunikasi pengajaran atau dengan kata lain komunikasi instruksional (Mc Croskey, 2006). Komunikasi instruksional adalah salah satu sub-disiplin dari bidang komunikasi yang menfokuskan kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan teori komunikasi dan hasil kajian akan berupaya menerangkan, meramal dan mengawal hasil pembelajaran (Motte & Beebe, 2006).

Pengaruh komunikasi instruksional amatlah tinggi kerana komunikasi yang berkesan serta kecekapan dalam menyampaikan mesej harus mempunyai kaedah komunikasi yang amat efektif ini selaras dengan pendapat Mottet & Beebe (2008), iaitu asas kepada pembelajaran yang efektif adalah komitmen pelajar, kepercayaan, nilai dan pengawalan emosi melalui pengetahuan serta kemahiran yang dimiliki. Pada tahun 1972, telah wujud satu entiti yang dikenali sebagai Bahagian Komunikasi Pengajaran yang ditubuhkan oleh Persatuan Komunikasi Antarabangsa (*International Communication Association, ICA*). Tujuan penubuhan unit ini adalah untuk mempromosi bidang komunikasi dalam pengajaran supaya penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih mendalam tentang konsep dan perkara yang berkaitan bidang ini.

Pelbagai kajian telah dijalankan dan kebanyakan hasil kajian di dalam komunikasi instruksional telah diteroka dari segenap aspek merangkumi aspek pengaruh komunikasi terhadap pembelajaran pelajar, motivasi, dan tingkah laku. Manakala tahap kesesuaian dari segi non-verbal, verbal, interpersonal serta kandungan penyampaian ini dinilai dan ditapis melalui persepsi pelajar, hasil kognitif, efektif, dan pembaharuan tingkah-laku serta maklum balas yang berterusan (Mottet & Beebe, 2006). Di antara salah satu kemahiran komunikasi instruksional adalah pengaplikasian elemen jenaka di dalam komunikasi instruksional banyak membantu meningkatkan minat pelajar dalam sesuatu subjek.



Jenaka merupakan elemen yang sangat efektif dalam menarik minat pendengar untuk merasa ingin menerima sesuatu maklumat yang disampaikan oleh penyampai. Pendengar juga akan terhibur dan kerana elemen jenaka itu dapat menyebabkan seseorang itu tertawa disebabkan kelucuan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Makewa (2011), penyelidik dari University of Eastern Africa, penggunaan jenaka dalam pengajaran memberikan kesan yang positif malahan meningkatkan motivasi serta keyakinan di antara pelajar dan pendidik ketika berkomunikasi.

Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh penyelidik tempatan berkenaan pengaplikasian penggunaan humor dalam proses komunikasi di dalam kuliah iaitu penyelidik dari Universiti Putra Malaysia, Shaffe Mohd Daud (2011), bersependapat dengan penyelidik lain yang mana jenaka amat membantu di dalam memberi impak yang sangat positif terhadap suasana pembelajaran. Hasil kajiannya menunjukkan lebih 66 responden yang terlibat dalam kajian tersebut, hampir majoriti responden menyukai guru yang berinteraksi dengan menggunakan elemen jenaka yang sesuai. Ini dipersetujui oleh Yahya (2012), yang mana menyatakan bahawa humor dengan kelucuan yang boleh menyebabkan seseorang menjadi seronok apabila mendengarnya. Unsur jenaka boleh membantu seseorang itu menjadi pendidik yang baik dan berjaya serta dapat mengurangkan situasi tegang di dalam bilik kuliah.

Para pelajar menyukai teknik pengajaran yang ceria, malah menurut kajian oleh Malikow (2007), pelajar menyukai pendidik yang pandai berjenaka. Amalan penggunaan jenaka dalam proses komunikasi instruksional dalam kalangan pendidik juga akan membangkitkan perasaan yang seronok dan membantu mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Burgess (2000), menyatakan bahawa untuk menarik minat pelajar dalam bidang kurikulum, kebanyakan pengajar mahukan pelajar mereka gembira semasa sesi pengajaran berlangsung. Manakala pendidik juga memperolehi manfaat dengan menikmati situasi kerja dengan lebih seronok dan terhibur apabila melihat reaksi pelajar mereka. Ini menyumbang kepada kehidupan yang lebih gembira dalam menghadapi situasi kerja yang kadang kala menimbulkan ketegangan (*stress*).

Persekitaran pembelajaran yang wujud semasa jenaka dipersembahkan dapat membantu mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan persekitaran pembelajaran yang sihat dan menyeronokkan sentiasa diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Berdasarkan kajian-kajian lepas, kebanyakannya membuktikan bahawa penggunaan jenaka di dalam komunikasi instruksional amat membantu dalam pelbagai aspek interpersonal. Menurut Kaplan & Pascoe (2007), jenaka menjadi sangat efektif dalam komunikasi pengajaran apabila berkaitan dengan bahan-bahan akademik yang diminati. Cheung & Yue, (2012) pula menyatakan bahawa orang yang menggunakan jenaka selalunya akan dapat menangani masalah kemurungan ataupun stres dengan lebih efektif, malah kehidupan mereka lebih dan selalunya kurang mengalami gangguan emosi serta menjalinkan hubungan dengan gaya yang sihat.

Secara khususnya, dengan menggunakan jenaka dengan cekap ianya mampu memberi impak yang hebat dalam komunikasi instruksional melalui penggunaan jenaka yang sesuai dan menyampaikannya dengan cekap dan efektif. Ini diterangkan dengan lebih jelas oleh Houser, Cowan & West, (2007) berdasarkan kajian empirikal mereka ke atas kesan-kesan penggunaan jenaka dalam mempengaruhi komunikasi pengajaran amatlah memberi impak yang sangat positif. Ini dipersetujui oleh Wanzer, Frymier, & Irwin (2010), menyatakan bahawa instruksional komunikasi yang sesuai dan positif akan menjadi alat yang paling efektif dalam meningkatkan penilaian ke atas pendidik dan membantu dalam membentuk suasana yang positif di dalam bilik kuliah.

Sehubungan dengan itu, pengaplikasian penggunaan elemen jenaka dalam proses berkomunikasi dalam penyampaian dan pengajaran merupakan faktor yang terpenting dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap sesuatu subjek juga terbukti dapat menjadi agen kepada perubahan suasana dari suram kepada lebih interaktif dan secara tidak langsung memperbaiki dan meningkatkan tahap keyakinan pelajar untuk berasa lebih selesa di dalam kuliah lantas menyumbang kepada kecermerlangan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu KPM telah memperkenalkan konsep pembelajaran yang menyeronokkan (*fun learning*) dalam kalangan tenaga pengajar dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Faktor kecekapan merupakan salah satu elemen atau tingkah laku yang memberi impak kepada keberkesanan dalam komunikasi pengajaran. Menurut Salleh & Abdul Raffar (2005), ketidakupayaan pelajar dalam menguasai pengetahuan secara berterusan atau secara konsisten dalam memahami topik-topik yang telah dipelajari adalah disebabkan oleh proses pembelajaran yang tidak melibatkan pelajar-pelajar secara aktif. Keterlibatan pelajar dipengaruhi oleh suasana komunikasi instruksional yang mampu menarik minat mereka untuk mengaktifkan diri, ini berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan oleh penyelidik di dalam bidang komunikasi pengajaran.

Ia hanya tertumpu kepada tahap keberkesanan dalam meningkatkan mutu pengajaran sahaja (Banas, Dunbar, Rodriguez & Liu, 2011). Ini kerana kajian lepas hanya membuktikan bahawa faktor utama yang menjadi asas kepada keberkesanan penyampaian di dalam konteks komunikasi pengajaran bergantung kepada kecekapan berkomunikasi oleh seseorang pendidik dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar (Frymier & Houser, 2000).

Namun demikian, kecekapan berkomunikasi bergantung kepada kandungan yang disampaikan kerana kurangnya elemen yang mampu membuat pelajar terhibur juga memberi impak kepada ketidakupayaan pelajar untuk mengekalkan fokus kepada pelajar, dan elemen jenaka yang sesuai mampu membantu dalam memberi kesan yang positif kepada pembelajaran pelajar (Banas, Dunbar, Rodriguez & Liu, 2011). Ini menunjukkan bahawa keperluan terhadap unsur-unsur jenaka yang boleh menarik minat pelajar untuk fokus semasa proses pembelajaran berlangsung merupakan

mekanisme yang utama (Wanzer, Frymier, Wojtaszczyk & Smith, 2006). Kesesuaian dalam menyampaikan sesuatu maklumat merupakan satu elemen penting selain kecekapan berkomunikasi, Menurut Canary & Spitzberg (1987) kesesuaian komunikasi berkait rapat dengan kandungan yang disampaikan dan dikawal oleh situasi serta etika hubungan bagi menghindari persepsi yang buruk dari pihak lain.

Oleh yang demikian, faktor kesesuaian dalam menyampaikan maklumat merupakan salah satu mekanisme penting dalam mempengaruhi minat pelajar. Wanzer, Frymier, & Irwin (2010) menyatakan dalam kajiannya bahawa dengan menggunakan jenaka yang sesuai oleh seseorang pengamal komunikasi di dalam proses komunikasi pembelajaran akan menghindari dari persepsi yang negatif. Ini dipersetujui oleh Banas et al., (2011) menyatakan bahawa kesesuaian mesej itu penting kerana ia memberi faedah kepada tenaga pengajar dan juga kepada pelajar.

Ini menunjukkan bahawa elemen jenaka adalah suatu mekanisme yang boleh mempengaruhi minat pelajar namun kajian lepas tidak melihat sejauh manakah tahap penggunaan jenis jenaka sesuai (*appropriate humor*). Wanzer et al., (2006) telah menjalankan kajian berkenaan jenis jenaka yang sesuai dan tidak sesuai semasa sesi pengajaran berlangsung. Namun berdasarkan kajian-kajian mereka tidak pula dinyatakan perkaitan di antara penggunaan jenis jenaka yang sesuai (*appropriate humor*) dengan tahap pembelajaran pelajar.

Ini kerana menurut kajian Mottet, Garza, Beebe, House and Jurrells (2008) mendapati bahawa kejelasan penggunaan jenaka yang berkaitan merupakan faktor terpenting dalam menjadi penanda aras pengaruhnya di dalam komunikasi instruksional. Kajian terhadap jenis humor dan kenapa humor yang digunakan di dalam komunikasi instruksional juga telah dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini yang mana kebanyakan kajian mereka hanya menyatakan berkenaan sebab jenaka digunakan. Antara sebab utamanya adalah untuk meningkatkan mutu pembelajaran di dalam konteks komunikasi interpersonal dan komunikasi instruksional (Yahya Othman, 2012).

Terdapat pelbagai jenis dan pelbagai pendekatan untuk mengklasifikasikan jenis jenaka berlaku semasa proses komunikasi instruksional. Ini kerana jenaka merupakan elemen yang membantu dalam mengatasi permasalahan ini akan tetapi tahap kesesuaian jenaka pula mempunyai kesan yang positif dan negatif terhadap pembelajaran pelajar (Goodboy, Booth-Butterfield, Bolkan & Griffin, 2015).

Akan tetapi menurut kajian oleh Wanzer & Frymier, (1999) menyatakan tidak semua jenaka yang disampaikan itu dapat diterima oleh pelajar secara positif. Sehubungan dengan itu, kajian terhadap bagaimana jenaka itu dapat diterima oleh pelajar dan pelajar merasa lucu terhadap jenaka tersebut telah dikaji oleh Wanzer et al., (2010), kajian tersebut telah memberi impak yang besar terhadap pemahaman kenapa pelajar ketawa terhadap sesetengah jenis jenaka, dan merasakan ia sesuai atau tidak sesuai digunakan di dalam komunikasi instruksional.

Namun persoalan terhadap bagaimana jenis jenaka sesuai (*appropriate humor*) berfungsi di dalam komunikasi instruksional tidak dapat dijawab dengan mudah kerana ia terlalu kompleks (Paterson, 2006). Kebanyakan pengkaji telah mengambil pelbagai pendekatan di dalam melihat sejauh mana jenaka ini berfungsi di dalam konteks komunikasi. Namun demikian sejauh manakah tahap kekerapan penggunaan jenaka yang sesuai (*appropriate humor*) semasa proses komunikasi instruksional itu berlaku belum dikaji malahan persoalan berkaitan kekerapan ia digunakan sebagai daya penarik untuk memberi impak kepada pembelajaran pelajar juga masih menimbulkan pelbagai persoalan.

Apabila tiada unsur yang mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari sesuatu ini akan memberi kesan kepada prestasi pembelajaran pelajar tersebut. Oleh itu haruslah diakui bahawa berdasarkan kajian-kajian lepas juga banyak menunjukkan punca masalah pelajar tidak berupaya mengekalkan fokus adalah kerana mereka bosan dengan sesi pembelajaran yang tiada unsur-unsur yang menarik (Wanzer et al., 2010).

Sejauh mana tahap kesesuaian dan ketidaksesuaian jenaka itu digunakan di dalam komunikasi instruksional telah dikaji oleh Wanzer et al., (2006), mereka berpendapat bahawa jenaka yang sesuai dan signifikan dengan komunikasi instruksional akan menyebabkan peningkatan mutu pengajaran dan meningkatkan motivasi para pelajar. Manakala jenaka yang tidak sesuai akan menyebabkan peningkatkan rasa ketidakselasaan dan meningkatkan tahap kebimbangan pelajar di dalam berkomunikasi.

Namun demikian kajian ini tidak pula menyatakan secara spesifik jenis jenaka sesuai (*appropriate humor*) apakah yang paling memberi impak terhadap peningkatan pencapaian pelajar semasa proses komunikasi pembelajaran ataupun komunikasi instruksional itu berlaku, kerana mengikut kajian yang dilakukan oleh Frymier et al., (2008) menyatakan terdapat 4 jenis jenaka yang sesuai digunakan di dalam komunikasi instruksional. Oleh yang demikian kajian secara terperinci diperlukan bagi melihat perkaitan jenis-jenis jenaka sesuai (*appropriate humor*) terhadap pembelajaran pelajar semasa komunikasi instruksional.

Menurut Hickman & Crossland (2005), wujud hubungan yang positif di antara pengajar yang menggunakan jenaka dan kesannya terhadap pencapaian akademik, ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Bootz (2003) menyatakan bahawa hubungan yang rengang antara pelajar dan pengajar akan memberi impak yang negatif terhadap proses pembelajaran dan pengajaran akibat suasana komunikasi yang tidak efektif. Kajian-kajian di luar negara menunjukkan persamaan yang konsisten dengan hasil kajian penyelidikan dalam negara iaitu Azizi Yahaya & Nurhashimah Ismail (2008), menyatakan kekurangan elemen yang efektif di dalam metod penyampaian akan memberikan implikasi yang negatif kepada tahap pembelajaran pelajar.

Menurut Shaffe Mohd Daud (2011), kajian berkenaan kesan penggunaan elemen jenaka semasa proses pengajaran dan pembelajaran masih belum dikaji secara meluas di negara ini. Oleh yang demikian kajian ini ingin melihat pengaruh penggunaan jenis jenaka sesuai (*appropriate humor*) semasa proses komunikasi instruksional berlaku terhadap tahap pembelajaran pelajar jika jenis jenaka ini kerap digunakan.

Tahap pembelajaran pelajar dipengaruhi oleh kecekapan komunikasi instruksional yang mempunyai elemen-elemen yang menarik. Antara elemen menarik yang sering digunakan dalam komunikasi instruksional adalah jenaka (Wanzer et al., 2010). Menurutny lagi kebanyakan penyelidik di dalam bidang komunikasi instruksional tidak bersetuju berkenaan elemen jenaka digunakan dalam mempengaruhi tahap pembelajaran pelajar. Kenyataan ini bercanggah dengan kajian yang dilakukan oleh Houser, Cowan, & West, (2007), beliau menyatakan pembelajaran yang efektif adalah suasana pembelajaran yang disertai oleh gelak ketawa. Hasil kajian ini disokong oleh kajian terdahulu oleh Ziv (1988), hasil kajian beliau membuktikan bahawa jenaka mampu meningkatkan tahap pembelajaran jika elemen jenaka itu digunakan secara berhemah dan bijaksana.

Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat sama ada jenaka sesuai (*appropriate humor*) mempengaruhi tahap pembelajaran pelajar di UPM. Ini kerana terdapat perbezaan pendapat berdasarkan kajian-kajian lepas berkenaan kesan penggunaan jenaka terhadap pembelajaran pelajar. Kajian ini dilakukan bagi tujuan memenuhi jurang keperluan kepada kajian perkaitan kesesuaian jenaka dalam komunikasi instruksional dengan pembelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM). Berdasarkan beberapa faktor di atas, kajian ini akan mengupas dan menjawab beberapa persoalan yang timbul iaitu :

- i. Apakah tahap penggunaan jenis jenaka yang sesuai (*appropriate humor*) yang di gunakan oleh pengajar semasa proses komunikasi instruksional di UPM ?
- ii. Apakah tahap pembelajaran pelajar semasa proses komunikasi instruksional di UPM?
- iii. Apakah tahap kesesuaian penggunaan elemen jenaka di dalam komunikasi instruksional di UPM?
